

## Dari Pengajian Umum ke Pendidikan Citra: Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia

(*From General Studies to Liberal Education: Experience in Universiti Kebangsaan Malaysia*)

NAZRI MUSLIM

Pusat Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[nazrimuslim@yahoo.com](mailto:nazrimuslim@yahoo.com)

### ABSTRAK

*Pengajian Umum di UKM bermula seiring dengan penubuhan UKM pada tahun 1970 dengan memperkenalkan kursus Sejarah Sains kepada semua pelajar. Selepas itu, kursus Sejarah Sains ditukar kepada kursus Sains Umum dan diikuti dengan kursus Kenegaraan Malaysia. Bermula tahun 1982, kursus Kenegaraan Malaysia telah ditukarkan kepada Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Pengajian Umum pada ketika itu bertujuan membina pelajar yang bersahsiah, mempunyai pengetahuan yang luas dan bersifat komplimentari. Di antara tahun 1998 hingga 2011, kursus-kursus pengajian umum dikategorikan kepada tiga kategori utama iaitu U1 - Penghayatan Nilai-Nilai Mulia dan Sejarah; U2 – Kemahiran Berfikir, Berkommunikasi dan Berorganisasi; U3 – Keluasan Ilmu Pengetahuan. Jumlah kursus dalam kategori U2 dan U3 khususnya telah bertambah dari tahun ke tahun. Namun, apabila penstrukturkan semula kursus-kursus pengajian umum dijalankan pada tahun 2011 selari dengan perkembangan pesat dalam dunia kebolehpasaran (employability) pelajar,, Pengajian Umum ditransformasi dan diinovasikan kepada pendidikan Citra. Pendidikan Citra adalah pendekatan pembelajaran yang lebih luas dan lestari dari Pengajian Umum. Oleh itu, Pendidikan Citra membawa pengertian bahawa pelajar bukan sahaja mengkhusus dalam sesuatu bidang pengajian tetapi juga mempunyai elemen keluasan ilmu pengetahuan di samping bertujuan membantu pelajar meluaskan ilmu pengetahuan di luar bidang pengkhususan khususnya sains, teknologi dan kelestarian, membina kompetensi dan kemahiran sosial, intelektual dan praktikal dalam kehidupan seharian. Maka, makalah ini akan membincangkan transformasi dan inovasi dalam penstrukturkan semula pengajian umum di Malaysia khususnya di UKM.*

*Kata kunci:* Pendidikan Citra, Pengajian Umum, UKM, perluasan ilmu, transformasi

### ABSTRACT

General Studies in UKM began in tandem with the establishment of UKM in 1970 by introducing the History of Science course to all students. Subsequently, the History of Science course was changed to the General Science course and followed by the Malaysian Nationhood Studies course. Beginning in 1982, the Malaysian Nationhood Studies course was changed to the Islamic Civilization and Asian Civilization Course. General Studies at that time was aimed at molding students to have a highly sought-after personality while possessing a broad spectrum of complementary-based knowledge. Between 1998 and 2011, courses under General Studies were categorized into three main domains, namely U1 - Appreciation of Good Values and History; U2 - Thinking, Communicating and Organizing Skills; U3 – Breadth of Knowledge. The number of courses in the U2 and U3 categories has been increasing year by year. However, when the restructuring of general studies courses was made in 2011, in line with the rapid development of the students' employability, General Studies was transformed into Citra Education (Liberal Education). Citra Education is a wider and more sustainable learning approach as compared to General Studies. Therefore, Citra Education carries the meaning that the students not only specialize in a field of their studies but are also expected to possess a breadth of diverse knowledge other than their specialized fields such as science, technology and sustainability, developing competence and social, intellectual, and practical skills in everyday life. Hence, this paper will discuss the transformation and innovation in the restructuring of general studies in Malaysia, particularly in UKM.

*Keywords: Citra Education; General Studies; UKM; breadth of knowledge; transformation.*

## PENGENALAN

Pengajian Umum di UKM telah dikendalikan sejak 1982 bertujuan membina pelajar yang bersahsiah, mempunyai pengetahuan yang luas dan bersifat komplimentari. Kursus-kursus dalam Pengajian Umum diambil oleh semua pelajar pra-siswazah dari semua Fakulti. Di antara tahun 1998 hingga 2011, kursus-kursus pengajian umum dikategorikan kepada tiga kategori utama: U1 - Penghayatan Nilai-Nilai Mulia dan Sejarah; U2 – Kemahiran Berfikir, Berkommunikasi dan Berorganisasi; U3 – Keluasan Ilmu Pengetahuan. Jumlah kursus dalam kategori U2 dan U3 khususnya telah bertambah dari tahun ke tahun. Namun, apabila penstrukturkan semula kursus-kursus pengajian umum dijalankan pada tahun 2011, kursus-kursus U2 dan U3 masih ditawarkan kepada pelajar-pelajar ambilan lama (sebelum sesi 2010-2011). Bagi pelajar-pelajar ambilan Sesi 2011 dan ke atas, kursus-kursus pengajian umum hanya terdiri dari tiga kursus wajib universiti seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik (HE) dan Pembangunan Diri. Kursus-kursus ini diambil oleh semua pelajar pra-siswazah dari pelbagai fakulti sebagai kursus umum yang bersifat sepunya. Walaupun penawaran kursus-kursus ini membawa elemen pengajian umum iaitu kesepuanyaan, jumlah kursus yang dikategorikan dalam kursus umum berkurangan dan kurang menepati falsafah pengajian umum. Pengajian umum yang di struktur semula pada tahun 2011 belum lagi memenuhi fungsi sepenuhnya sebagai kursus-kursus yang bersifat komplimentari, membina sahsiah dan meluas sebagai melengkapi bidang pengkhususan pelajar pra-siswazah.

## RASIONAL PENSTRUKTURAN PENDIDIKAN CITRA

Dengan perkembangan pesat dalam dunia kebolehpasaran (*employability*) pelajar lepasan institusi pengajian tinggi, Pengajian Umum yang diamalkan sekarang di UKM wajar diubah dan dinaiktaraf kepada pendidikan liberal. Dalam Amanat Menteri Pengajian Tinggi pada awal tahun 2012, pihak Kementerian telah menyarankan agar Institusi Pengajian Tinggi Awam memberi perhatian khusus kepada Pendidikan Liberal dan Multidisiplin dalam semua program pengajian. Pada masa yang sama, pemegang taruh (majikan dan industri) memberi maklum balas bahawa kebolehpasaran lepasan universiti amat bergantung kepada kemahiran berkommunikasi, berfikir dan berdaya-kepimpinan selain dari hanya berpengetahuan dalam bidang pengkhususan masing-masing. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Timbalan Perdana Menteri sewaktu melancarkan Dialog Nasional Pendidikan Negara di UKM (2012) yang menyarankan agar sistem pendidikan kebangsaan perlu dinilai semula untuk meningkatkan kebolehan negara bersaing di peringkat antarabangsa.

Di UKM, pendidikan liberal dijenamakan sebagai Pendidikan Citra yang membawa pendekatan pembelajaran yang lebih luas dan lestari dari Pengajian Umum. Istilah Citra membawa maksud ‘longgar’, ‘bebas’ atau ‘luas’ – yang memberi gambaran bahawa ilmu

pengetahuan bukanlah sesuatu yang bersifat rigid, perkotakan dan tidak dinamik. Oleh itu, Pendidikan Citra membawa pengertian bahawa pelajar bukan sahaja mengkhusus dalam sesuatu bidang pengajian tetapi juga mempunyai elemen keluasan ilmu pengetahuan. Di samping itu, Pendidikan Citra menerapkan elemen kelestarian dan keluasan ilmu pengetahuan serta perolehan kompetensi atau kemahiran yang pelbagai yang akan membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar secara menyeluruh. Dalam lain perkataan, Pendidikan Citra bertujuan membantu pelajar meluaskan ilmu pengetahuan di luar bidang pengkhususan, membina kompetensi dan kemahiran sosial, intelektual dan praktikal dalam kehidupan sehari-hari.

Penaiktarafan pengajian umum kepada pendidikan Citra dapat membantu universiti membentuk pelajar yang lebih berwibawa, berketrampilan dan berpengetahuan luas bagi memenuhi keperluan kebolehpasaran pelajar dan kesejahteraan masyarakat.

### JUSTIFIKASI MENGADAKAN PENDIDIKAN CITRA

Penaiktarafan bidang ‘Pengajian Umum’ kepada ‘Pendidikan Citra Universiti Kebangsaan Malaysia’ adalah bersandarkan kepada justifikasi berikut:

- i. Penaiktarafan bidang ‘Pengajian Umum’ kepada ‘Pendidikan Citra UKM’ sejajar dengan saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi tentang perlunya pihak pemberi pengajian tinggi di negara ini memberi perhatian khusus kepada Pendidikan Liberal dan Multidisiplin dalam semua program pengajian. Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 7, 2012 bertarikh 3 April 2012 telah membuat keputusan agar ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyemak semula bidang ‘Pengajian Umum’ yang ditawarkan di UKM. Jawatankuasa Induk Pengukuhan Pendidikan Liberal-Citra UKM telah ditubuhkan pada 18 Oktober 2012 dipengerusikan oleh YBhg Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, pada ketika itu sebagai Timbalan Naib Canselor (HEAA). Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada semua Dekan Fakulti; dan Pengarah PPU, PPA, PAP dan CESMED. Justeru itu, bermula pada akhir Oktober 2012 satu Pasukan Petugas (Urusetia) dari Pusat Pengajian Umum (PPU) telah dibentuk bagi membantu Jawatankuasa Induk Pengukuhan Pendidikan Citra UKM melaksanakan kerja-kerja pengukuhan dan penstrukturran ‘Pendidikan Citra UKM.’

- ii. Bagi memenuhi saranan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara melalui aspirasi negara dan Falsafah Pendidikan Negara (Perkara 1.02):

Selaras dengan teras kedua Misi Nasional, negara perlu melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Modal insan yang dibangunkan perlu mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Bersesuaian dengan matlamat pembangunan modal insan yang diharatkannya, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara digubal dengan visi untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan peletakan atas ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi melangkaui tahun 2020.


- iii. Bagi memenuhi hasrat pihak-pihak berkepentingan supaya universiti melahirkan graduan berpengetahuan luas dan luwes selain mempunyai kepakaran dalam bidang

pengkhususan serta memiliki kemahiran insaniah. ‘Pendidikan Citra UKM’ akan memenuhi tuntutan pasaran yang memerlukan guna tenaga yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan.

- iv. Membina modal insan yang berupaya menguasai dan mengaplikasi kemahiran insaniah bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam masyarakat termasuk dalam meningkatkan daya kreativiti dan inovasi.
- v. Kurikulum pra-siswazah universiti semasa memerlukan penambahbaikan kepada sistem penyampaian universiti. Oleh itu, kerangka penawaran ‘Pendidikan Citra UKM’ dicadangkan untuk menghasilkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan masyarakat semasa dan kehendak pemegang taruh seputar mereka yang nyatakan dalam beberapa siri *engagements* yang telah dijalankan.
- vi. Melahirkan pelajar yang mempunyai identiti UKM menerusi pendekatan *shaping the mind*, dan *building the character* berdasarkan pembelajaran dan penghayatan ‘Pendidikan Citra UKM.’

## KONSEP PENDIDIKAN CITRA

Konsep Pendidikan Citra UKM ialah pendidikan yang meluas dan merentasi disiplin ilmu yang pelbagai. Pendekatan sedemikian adalah bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari latarbelakang pengkhususan yang berbeza untuk belajar dan mengenali bidang-bidang ilmu yang lain di luar bidang. Pendedahan kepada peluasan ilmu pengetahuan ini berguna bagi memastikan para graduan UKM menguasai bidang pengkhususan masing-masing dan pada masa yang sama, mempunyai pengetahuan yang luas serta memiliki kompetensi-kemahiran yang berkaitan. Misalnya, pelajar boleh mempelajari aspek-aspek keusahawanan dalam kursus-kursus tentang keusahawanan dan juga mempelajari kemahiran keusahawanan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Bagi mendapatkan sejahteranaka keluasan ilmu pengetahuan yang dimaksudkan, Jawatankuasa Petugas Pendidikan Citra telah menjalankan kajian meneliti konsep dan amalan pendidikan liberal di 22 buah universiti di dalam dan luar negara. Kajian dilakukan secara atas talian. Pasukan Petugas juga telah mengadakan lawatan perbincangan ke semua fakulti, bengkel-bengkel perbincangan bersama pelajar dan pensyarah UKM, survei di lapangan dan atas talian serta beberapa siri *engagement* bersama pemegang taruh termasuk pelajar, alumni, pensyarah, NGO, badan korporat, jabatan kerajaan, guru dan ibu bapa. Hasil dari kerja-kerja penyelidikan dan perbincangan yang komprehensif ini, sejumlah 8 domain Pendidikan Citra telah dikenalpasti. Lapan domain pembelajaran ini dapat menjelaskan tentang keluasan pengetahuan yang dinyatakan sebelum ini (Rajah 1).




RAJAH 1: Lapan domain Pendidikan Citra UKM

Hasil daripada pembentangan dan cadangan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) bilangan 1/2014 bertarikh 21 Januari 2014, lapan domain asal Pendidikan Citra UKM telah dipinda kepada enam domain. Tiga domain yang digabungkan ialah Domain Etika, Nilai dan Sahsiah, Domain Ketamadunan, Agama dan Budaya dan Domain Kewarganegaraan dan Jati Diri Kebangsaan telah menjadi Domain Etika, Kewarganegaraan dan Ketamadunan (Lihat Rajah 2). Dalam mesyuarat yang sama juga, Jawatankuasa Pelaksana Pendidikan Citra UKM telah ditubuhkan bagi merancang dan menjalankan pelaksanaan Pendidikan Citra UKM yang dijangka akan dimulakan pada Semester 2014-2015.



RAJAH 2: Enam Domain Pendidikan Citra UKM

Enam Domain Pendidikan Citra UKM boleh dilihat berkaitan antara satu sama lain. Rajah 3 menunjukkan perkaitan antara semua domain berkenaan. Domain Etika, Kewarganegaraan & Ketamadunan adalah domain asas yang menjadi teras utama dalam Pendidikan Citra UKM. Pelajar perlu diberi pendedahan yang mencukupi tentang aspek-aspek nilai, integriti, kewarganegaraan dan ketamadunan yang akan membina jatidiri sahsiah yang kukuh. Domain Bahasa, Komunikasi & Literasi, Kepimpinan, Keusahawanan & Inovasi dan Penaakulan Kuantitatif & Kualitatif adalah domain pembelajaran pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran-kompetensi asas yang diperlukan dalam membangunkan peradaban manusia. Domain Kekeluargaan, kesihatan & Gaya Hidup serta Sains, Teknologi dan Kelestarian memberi peluang pelajar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek-aplikasi kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan juga sedar dan mengetahui sumbangan sains dan teknologi dalam kelestarian peradaban manusia. Oleh kerana itulah, Pendidikan Citra sebenarnya membawa pelajar kepada aspek pembelajaran yang komprehensif dan berorientasikan pendekatan *shaping the mind, building the character* pelajar semasa dalam pengajian dan juga selepas bergraduat. Secara tidak langsung, Pendidikan Citra membentuk identiti diri atau *brand* pelajar UKM yang dihormati.



RAJAH 3: Domain Pendidikan Citra UKM

### MATLAMAT PENDIDIKAN CITRA


#### OBJEKTIF UMUM

Membantu universiti melahirkan graduan yang mempunyai sahsiah yang boleh membawa penampilan ‘Citra UKM,’ dan mempunyai jati diri kebangsaan dan menguasai kemahiran insaniah yang memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.

#### MATLAMAT DAN OBJEKTIF KHUSUS

- i. Memastikan para graduan memperoleh asas pendidikan yang holistik supaya mereka boleh berdikari dan beradaptasi dalam persekitaran yang sentiasa berubah.
- ii. Menghasilkan graduan yang kompeten, berdaya saing, berdaya tahan dan memenuhi keperluan pasaran kerja.
- iii. Menghasilkan graduan yang mampu menjadi warga global, mampu bekerja dalam kumpulan dan mempunyai kemahiran berkomunikasi silang budaya.
- iv. Menghasilkan graduan yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dalam disiplin ilmu pengkhususan mereka sahaja tetapi juga ilmu dalam bidang lain yang boleh memberi nilai tambah kepada pembangunan diri dan laluan kerjaya mereka.
- v. Menghasilkan graduan yang beretika dan berintegriti sebagai seorang insan, pekerja dan warganegara.

## STRUKTUR PENDIDIKAN CITRA



RAJAH 4: Struktur Pendidikan Citra UKM

Rajah 4 menunjukkan struktur Pendidikan Citra UKM yang didokong oleh tiga Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu PPU, PAP dan CESMED. PPU akan mengendali dan memantau penawaran kursus-kursus Citra dari Fakulti-Fakulti kepada lima Domain Citra UKM iaitu Etika, Ketamadunan & Kewarganegaraan, Bahasa Komunikasi & Literasi, Penaakulan Kuantitatif & Kualitatif, Sains Teknologi & Kelestarian dan Kekeluargaan, Kesihatan & Gaya Hidup. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah berbentuk penguasaan teori dan ilmu. Manakala PAP pula mengkhusus kepada pengaplikasian Domain Citra UKM dalam bentuk aktiviti, Kontrak Pembelajaran dan Ko-Kurikulum. Pencapaian Domain Kepimpinan, Keusahawanan & Inovasi akan dilaksanakan oleh CESMED melalui kursus-kursus dan aktiviti Keusahawanan. Dengan pengenalan Pendidikan Citra UKM diharapkan akan membantu pelajar meluaskan ilmu pengetahuan mereka di luar bidang pengkhususan dan dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar dari pelbagai fakulti di UKM. Mulai tahun 2011, kesemua kursus yang bersifat citra diletakkan di bawah pengurusan Pusat Citra.

## CADANGAN PELAKSANAAN JUMLAH KREDIT PENDIDIKAN CITRA UKM

Bermula 2015-2016, pelajar dari program bukan profesional, perlu mengambil sejumlah 40 Kredit dan bagi program profesional berjumlah ialah 30 kredit. Jumlah kredit ini disumbangkan oleh kursus-kursus yang dicadangkan dari Pusat Citra dan Fakulti dengan perakuan Jawatankuasa Pelaksana Pendidikan Citra UKM. Perincian pelaksanaan jumlah kredit Pendidikan Citra UKM akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pendidikan Citra UKM dalam siri-siri perbincangan dan bengkel yang akan diadakan.

## KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN CITRA

Kursus-kursus ‘Pendidikan Citra UKM’ ini dikendalikan menggunakan pendekatan pembelajaran berorientasikan pelajar melalui:

- Kuliah dan Tutorial
- Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*)
- Kontrak pembelajaran berdasarkan kursus dan/atau kontrak pembelajaran berdasarkan projek/aktiviti/khidmat.
- Pengalaman pembelajaran
- Seminar/Wacana
- Bengkel/Kursus
- *Blended Learning*
- *Service Learning*

## KESIMPULAN

Penstrukturkan Kursus Citra yang dilaksanakan ini dapat menambahbaik sistem penyampaian universiti dalam melengkapkan pendidikan pelajar bagi melahirkan graduan bersahsiah yang boleh membawa penampilan Citra UKM dan mempunyai jati diri kebangsaan melalui peluasan ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran-kompetensi insaniah bagi memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.

## RUJUKAN

- Kementerian Pengajian Tinggi. 2004. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.  
Khalid Nordin. 2012. *Dinamika Pengajian Tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.  
Pusat Citra Universiti. *Buku Panduan Prasiswazah 2014-2015*. Bangi: Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.